iii) Data subject (proposer) should be informed of his/her rights to obtain access to and to request correction of his/her personal data.

Notice: In accordance to the provision of the Personal Data Protection Act 2010, You may contact our Customer Contact Center for the details of Your personal data. Such information will only be granted after verification. You may update/correct the data by providing Us in writing.

COMMUNICABLE DISEASE EXCLUSION CLAUSE (LMA 5394)

1. Notwitstanding any provision to the contrary within this policy, this policy excludes any loss, damage, liability, claim, cost or expense of whatsoever nature, directly or indirectly caused by contributed to by, resulting from, arising out of, or in connection with a Communicable Disease or the fear or threat (whether actual or perceived) of a Communicable Disease regardless of any other cause or event contributing concurrently or in any other sequence thereto.

2. As used herein, a Communicable Disease mean any disease which can be transmitted by means of any substance or agent from any organism to another organism where :-
   2.1 the substance or agent includes, but is not limited to, a virus, bacterium, parasite or other organism or any variation thereof, whether deemed living or not, and
   2.2 the method of transmission, whether direct or indirect, includes but is not limited to, airborne transmission, bodily fluid transmission, transmission from or to any surface or object, solid, liquid or gas or between organisms, and
   2.3 the disease, substance or agent can cause or threaten damage to human health or human welfare or can cause threaten damage to, deterioration of, loss of value of, marketability of or loss of use of property.

(LMA5394) (Modified for Insurance Policy)

The whole of this Policy (with the documents in the definition of Policy) shall be read together as one contract.

IMPORTANT NOTICE
Please read this Policy and its Conditions. If anything is not correct, please return it immediately so that we can amend it.

This policy is written in English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia version the English version shall prevail.

SETEM HASIL TELAH DIBAYAR

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI WARGA TUA

BAHAWASANYA Pengambil Insurans yang dinamakan dan dihuraikan di dalam Jadual dengan cadangan dan akuan yang menjadi asas kepada kontrak ini dan disifatkan sebahagian dalam perjanjian ini telah memohon kepada Syarikat untuk insurans yang terkandung kemudian dari ini dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar premium berkenaan dengan insurans sedemikian dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam Jadual atau dalam mana-mana tempoh berikutnya.

Maka Syarikat ini bersetuju bahawa sekiranya Kejadian yang dihuraikan dalam Polisi berlaku ke atas Orang Yang Diinsuranskan dalam Tempoh Insurans dan mengakibatkan Kematian atau Hilang Upaya Kekal atau menyebabkan Rawatan Perubatan diperlukan, Syarikat akan, tertakluk kepada terma pengecualian dan syarat yang terkandung dalam perjanjian ini atau diendors atau dinyatakan dengan cara lain pada dokumen ini, membayar pampasan yang ditetapkan dalam Jadual kepada Pengambil Insurans, atau wakilnya yang sah di sisi undang-undang dalam hal Kematian.

A. Kontrak Insurans Pengguna

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insuran ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.

B. Kontrak Insurans Komersial

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.

KEJADIAN

Kecederaan badan yang disebabkan semata-mata oleh keganasan, kemalangan, cara-cara luaran dan nyata dalam masa dua belas bulan, dan kecederaaan badan sedemikian adalah secara bebas daripada apa-apa sebab lain dan mengakibatkan Kematian atau Hilang Upaya Kekal atau menyebabkan Rawatan Perubatan diperlukan, maka Syarikat akan membayar Faedah yang digariskan di bawah.

JADUAL PAMPASAN

Faedah 1	**KEMATIAN** yang berpunca daripada kejadian	Sebagaimana dinyatakan dalam jadual
Faedah 2	**HILANG UPAYA KEKAL** yang mengakibatkan Orang YangDiinsuranskan mengalami kehilangan penggunaan secara menyeluruh dan kekal melalui	Peratusan Pampasan BagiJumlah Diinsuranskan yangdinyatakan
	a. Kedua-dua tangan atas anggota, atau satu tangan dan satu kaki	100%
	b. Lengan pada bahu, atau siku, atau pinggang	100%
	c. Kaki pada pinggul, atau lutut, atau buku lali	100%
	d. Seluruh mata atau kehilangan penglihatan pada kedua-dua belah mata	100%
	e. Kelumpuhan menyeluruh atau Kecederaan yang mengakibatkan terlantar di katil selana-lamanya	100%
	f. Kehilangan pertuturan	60%
	g. Mata-penglihatan mata kecuali persepsi cahaya	50%
	h. Empat jari dan ibu jari pada satu tangan	50%
	i. Empat jari pada satu tangan	40%
	j. Ibu jari – kedua-dua falanks	25%
	k. Ibu jari – satu falanks	10%
	l. Jari telunjuk – tiga falanks	15%
	m. Jari telunjuk – dua falanks	8%
	n. Jari telunjuk – satu falanks	4%
	o. Jari tengah atau ketiga (jari manis) - tiga falanks	6%
	p. Jari tengah atau ketiga (jari manis) - dua falanks	4%
	q. Jari tengah atau ketiga (jari manis) - satu falanks	2%
	r. Jari kelingking - tiga falanks	5%
	s. Jari kelingking - dua falanks	3%
	t. Jari kelingking - satu falanks	2%
	u. Jari kaki - semua pada satu kaki	17%
	v. Jari kaki - (ibu jari kaki) kedua-dua Falanks	5%
	w. Jari kaki - (ibu jari kaki) satu falanks	2%
	x. Jari kaki – (selain daripada ibu jari	3%
	y. Pendengaran - kedua - dua belah telinga	75%
	z. Pendengaran - sebelah telinga	25%

SENANTIASA DENGAN SYARAT BAHAWA:-

i. Sekiranya kecederaan tidak ditetapkan, Syarikat mempunyai hak untuk menggunakan peratusan pampasan yang pada pendapat Syarikat adalah konsisten dengan peruntukan yang dinyatakan dalam Jadual Pampasan.

ii. Syarikat tidak boleh membayar Manfaat 2 sehingga semua amaun pampasan telah ditetapkan dan dipersetujui.

iii. Sekiranya Kematian diakibatkan oleh Kecederaan sama yang berlaku dalam masa 12 bulan kalendar dari tarikh Kecederaan dan berlaku sebelum (ii) di atas, hanya Manfaat 1 akan dibayar.

iv. Syarikat tidak boleh membayar Manfaat 1 sebagai tambahan kepada Manfaat 2 sekiranya diakibatkan oleh Kecederaan yang sama, melainkan suatu pembayaran telah dibuat di bawah Manfaat 2 dan Kematian berlaku kemudiannya diakibatkan semata-mata oleh Kecederaan tersebut dan dalam masa 12 bulan kalendar dari tarikh Kecederaan, Syarikat akan membayar perbezaannya jika pampasan yang dibayar untuk Manfaat 1 melebihi amaun yang telah dibayar untuk Manfaat 2.

v. Syarikat tidak boleh membayar lebih daripada jumlah 100% untuk apa-apa atau semua Manfaat 2 bagi mana-mana tempoh insurans.

Faedah 3	**PERBELANJAAN PERUBATAN** yang perlu dan wajar ditanggung dan disokong oleh resit daripada pengamal perubatan berkelulusan	Sebagaimana dinyatakan dalam jadual

SENANTIASA DENGAN SYARAT BAHAWA bayaran tidak akan dibayar untuk Faedah 3 sekiranya terdapat insurans lain yang berkuatkuasa untuk melindungi kehilangan tersebut atau Pengambil Insurans berhak ke atas indemniti dari sumber lain. Dengan syarat lanjut bahawa Syarikat tidak boleh dilepaskan daripada liabiliti di bawah Manfaat ini berkaitan dengan lebihan amaun yang mesti dibayar di bawah insurans atau indemniti sedemikian yang lain.

Faedah 4	**PENDAPATAN HOSPITAL** – Elaun harian setiap minggu yang dibayar bagi tempoh Pengambil Insurans dimasukkan ke hospital untuk rawatan kecederaan badan akibat daripada suatu kemalangan. Tempoh maksimum untuk bayaran faedah ini adalah 4 minggu dan faedah ini dibayar untuk setiap tempoh kemasukan hospital 24 jam yang lengkap.	Sebagaimana dinyatakan dalam jadual
Faedah 5	**JAGAAN KEJURURAWATAN** Selepas keluar dari hospital, sekiranya seorang Pengamal Perubatan mempreskripsikan perkhidmatan seorang jururawat berlesen di rumah Pengambil Insurans untuk rawatan berterusan bagi keadaan perubatan khusus yang merupakan sebab Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital akibat daripada kecederaan badan yang ditakrifkan dalam polisi ini dan hanya apabila perkhidmatan sedemikian diperlukan atas sebab perubatan.	Sebagaimana dinyatakan dalam jadual
Faedah 6	**ELAUN TUNAI TAMBAHAN** – Syarikat akan membayar suatu jumlah sekaligus berkenaan dengan pengubahan yang perlu pada Kediaman atau Kenderaan Motor dan bantuan perubatan lain sekiranya Pengambil Insurans bergantung pada kerusi roda untuk satu tempoh yang tidak kurang daripada 6 bulan.	Sebagaimana dinyatakan dalam jadual
Faedah 7	**BAYARAN AMBULANS** – Syarikat akan membayar balik Bayaran Ambulans kepada Pengambil Insurans.	Sebagaimana dinyatakan dalam jadual
Faedah 8	**PERBELANJAAN PENGEBUMIAN, PEMBAKARAN MAYAT & REPATRIASI** - Syarikat akan membayar bayaran sekaligus kepada sesiapa yang akan menerima pampasan di bawah Polisi ini berkenaan dengan kematian Pengambil Insurans.	Sebagaimana dinyatakan dalam jadual

PENGECUALIAN

1. Syarikat tidak bertanggungjawab dalam hal Kematian atau Hilang Upaya Kekal atau faedah lain akibat secara langsung atau tidak langsung daripada atau disebabkan oleh:-
   i. Pengambil Insurans telah mengambil apa-apa jenis minuman keras atau dadah atau halusinogen yang bukan dipreskripsikan oleh seorang Pengamal Perubatan berkelulusan;
   ii. Pengambil Insurans melibatkan diri dalam:-
      a. Apa-apa sukan sebagai seorang profesional;
      b. Penglibatan dalam apa-apa jenis perlumbaan kelajuan;
      c. Apa-apa jenis pergaduhan bersenjata atau tidak bersenjata atau seni mempertahankan diri;
      d. Mendaki gunung atau mendaki permukaan batuan atau cenuram atau kembara dalam gua;
      e. Apa-apa aktiviti bawah air yang memerlukan penggunaan kelengkapan pernafasan;
      f. Penerbangan atau perjalanan udara melainkan sebagai seorang penumpang berbayar dalam pesawat udara membawa penumpang yang berlesen sepenuhnya yang dipandu oleh ahli penerbangan profesional;
      g. Apa-apa aktiviti udara lain termasuk sukan payung terjun, sukan terbang dengan pesawat peluncur atau sukan luncur gantung;
      h. Lumba lari berhalang, memburu, menyelam, sukan musim sejuk, meluncur air, meluncur, hoki ais atau polo;
      i. Penggunaan mesin pertukangan kayu yang digerakkan oleh kuasa mekanik;
   iii. Kehamilan atau kelahiran anak atau Pengambil Insurans menderita daripada keadaan tidak siuman, penyakit venereal, kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental pra-wujud atau membunuh diri atau cubaan membunuh diri;
   iv. Orang Yang Diinsuranskan menderita daripada sakit atau penyakit yang bukan diakibatkan oleh Kecederaan Badan atau menderita daripada kecederaan badan disebabkan punca yang bertindak dengan beransur-ansur;
   v. Pendedahan kepada bahaya tidak perlu dengan sengaja melainkan dalam cubaan menyelamatkan nyawa manusia;
   vi. Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau macam mana pun sindrom ini telah diperolehi atau boleh dinamakan;
   vii. Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, ketenteraan atau perampasan kuasa;

   Kegiatan ganas bermaksud kegiatan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekuatan fizikal atau kekerasan keganasan dan/atau ancaman daripadanya oleh seseorang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau mewakili atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, yang berbakti untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk tujuan untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan rakyat atau mana-mana bahagian rakyat, dalam ketakutan.
   viii. Bahan senjata nuklear, pengionan, sinaran radioaktif atau pencemaran radioaktif daripada bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini pembakaran adalah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang dilakukan sendiri;
   ix. Apa-apa jenis jangkitan, sakit atau penyakit yang berpunca daripada atau disebabkan oleh nyamuk yang mengakibatkan Denggi, Malaria dan Japanese Encephalitis (JE).
2. Syarikat tidak bertanggungjawab di bawah Polisi ini sekiranya Pengambil Insurans berumur kurang daripada 55 tahun atau lebih daripada 70 tahun pada permulaan tempoh insurans (Boleh diperbaharui sehingga umur 75 tahun). Tanggungjawab membuktikan umur Pengambil Insurans adalah terletak pada Pengambil Insurans.

SYARAT

KANDUNGAN KONTRAK

Polisi ini termasuk Jadual, Spesifikasi dan Pengendorsan hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau penyataan yang disertakan dengan maksud khusus hendaklah membawa makna yang sama di mana juga ia digunakan.

NOTIS DAN PINDAAN PADA TERMA

Semua notis yang diberi oleh Pengambil Insurans kepada Syarikat mestilah secara bertulis dan dialamatkan ke Syarikat dan tiada pindaan pada terma Polisi ini mahupun mana-mana pengendorsan padanya, akan diputuskan sah melainkan ia ditandatangani atau diparapi oleh seorang wakil Syarikat yang diberikuasa.

PEMATUHAN DAN PENUNAIAN WAJAR

Pematuhan dan penunaian terma dan syarat dan pengendorsan Polisi ini dengan sewajarnya sejauh mana berkenaan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pengambil Insurans adalah syarat terdahulu bagi apa-apa liabiliti Syarikat untuk membayar apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

PINDAAN PADA RISIKO DAN INSURANS LAIN

Pengambil Insurans hendaklah memberi notis kepada Syarikat dengan serta-merta mengenai apa-apa pertukaran alamat, pekerjaan, kegiatan atau apa-apa kecederaan, penyakit, kecacatan atau kelemahan fizikal yang telah mempengaruhi Orang Yang Diinsuranskan dan juga notis tentang apa-apa insurans lain yang berkuatkuasa terhadap kemalangan atau ketakupayaan.

PRIVITI KONTRAK

Melainkan disyaratkan sebaliknya secara nyata oleh pengendorsan Polisi ini, Syarikat adalah berhak menganggap Pengambil Insurans sebagai pemunya mutlak Polisi dan tidak terikat untuk mengiktiraf apa-apa ekuiti atau tuntutan lain atau kepentingan Polisi ini dan penerimaan Pengambil Insurans atau wakilnya di sisi undang-undang semata-mata adalah suatu pelepasan efektif.

FRAUD

Jika cadangan atau akuan Pengambil Insurans adalah tidak benar dalam apa-apa hal, jika apa-apa fakta penting yang mempengaruhi risiko dinyatakan dengan tidak betul dalam dokumen itu atau tertinggal daripadanya atau jika insurans ini atau apa-apa pembaharuannya adalah didapat melalui apa-apa pernyataan silap, salah nyata atau penyekatan fakta atau jika apa-apa tuntutan yang dibuat adalah fraud atau dibesar-besarkan atau jika apa-apa akuan atau pernyataan palsu adalah dibuat untuk menyokongnya maka dalam mana-mana hal sedemikian Polisi ini adalah tak sah.

PEMBATALAN

Polisi ini boleh dibatalkan oleh Pengambil Insurans pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat, dan dengan syarat bahawa tiada tuntutan dibuat pada tahun Polisi semasa, Pengambil Insurans adalah berhak ke atas bayaran balik premium seperti berikut:-

Tempoh tidak melebihi	Bayaran Balik Premium Tahunan
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

Syarikat boleh memberi notis bertulis selama empat belas (14) hari kepada Pengambil Insurans dengan surat berdaftar ke alamat terakhirnya yang diketahui tentang niat Syarikat untuk menamatkan Polisi ini dan membayar balik sebahagian premium untuk tempoh polisi yang belum berkuatkuasa.

TUNTUTAN

Semasa berlakunya apa-apa kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Pengambil Insurans hendaklah memberi notis kepada Syarikat dengan butir-butir penuh kemalangan dan kecederaan tersebut dalam masa empat belas (14) hari selepas kejadian kemalangan dan hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan atau pembedahan yang betul dengan secepat mungkin.

Pengambil Insurans (atau wakil peribadi Pengambil Insurans di sisi undang-undang) hendaklah memberikan semua sijil maklumat dan bukti yang diperlukan kepada Syarikat atas belanja sendiri dan Pengambil Insurans hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan apabila dikehendaki berbuat demikian dengan sewajarnya. Dalam hal kematian Pengambil Insurans, Syarikat berhak melakukan pemeriksaan post mortem atas belanja sendiri dan notis hendaklah diberi kepada Syarikat sekiranya boleh dilaksanakan sebelum pengebumian atau pembakaran mayat dengan menyatakan masa dan tempat inkues yang dilantik.

TIMBANGTARA

Segala percanggahan akibat daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara dan memerlukan keputusan dua orang Penimbangtara, yang akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu bulan kalendar selepas diperlukan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh mana-mana pihak atau dalam keadaan Penimbangtara-penimbangtara tidak bersetuju tentang seorang wasit yang dilantik secara bertulis oleh Penimbangtara-penimbangtara sebelum bermulanya perujukan. Wasit tersebut akan duduk bersama-sama dengan Penimbangtara-penimbangtara dan menjadi pengerusi dalam mesyuarat dan pembuatan suatu award adalah syarat terdahulu bagi apa-apa hak tindakan terhadap Syarikat. Sekiranya Syarikat menolak tuntutan liabiliti terhadap Pengambil Insurans atau untuk apa-apa tuntutan menurut dokumen ini dan tuntutan sedemikian adalah dirujuk kepada timbangtara di bawah peruntukan yang terkandung dalam perjanjian ini dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penolakan tuntutan sedemikian, maka tuntutan tersebut dianggap telah ditinggalkan untuk semua tujuan dan tidak boleh didapat kembali menurut dokumen ini selepas itu.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN

i. Kontrak Insurans Pengguna

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

ii. Kontrak Insurans Komersial

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu yang akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

HAD SEKATAN DAN FASAL PENGECUALIAN

Syarikat tidak akan memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Dengan memberikan maklumat peribadi Anda, bermakna Anda memberi kebenaran kepada Kami untuk menggunakannya sebagaimana dihuraikan di bawah:

i) Untuk memproses data perbadi Anda dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak insurans.

ii) Anda membenarkan dan mengizinkan Kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan Kami, khususnya,
   a) Penyelaras berlesen yang berdaftar;
   b) Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan kontrak insurans;
   c) Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula;
   d) ISM Insurance Services Malaysia Berhad.

iii) Subjek Data (pencadang) hendaklah dimaklumkan tentang haknya untuk menyemak data dan untuk meminta pembetulan data peribadinya.

Notis: Menurut peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Anda boleh menghubungi Customer Contact Center kami untuk mendapatkan butir-butir data peribadi Anda. Maklumat sedemikian akan hanya diberikan selepas pengesahan. Anda boleh mengemaskinikan/membetulkan data dengan memberikan butir-butirnya secara bertulis kepada Kami.

FASAL PENGECUALIAN PENYAKIT BERJANGKIT (LMA 5394)

1. Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam polisi ini, polisi ini mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa sahaja perbelanjaan yang disebabkan secara lansung atau tidak lansung oleh atau berhubung dengan penyakit berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada benar atau dirasakan) daripada penyakit berjangkit tanpa mengira sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau mengikut urutan lain.

2. Seperti yang digunakan disini, penyakit berjangkit bermaksud penyakit yang ditularkan melalui apa-apa bahan atau ejen dari mana-mana organisma ke organisma lain dimana :

   2.1 Bahan atau ejen termasuk tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau sebarang variasi, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
   2.2 Kaedah penularan sama ada secara lansung atau tidak lansung, merangkumi tetapi tidak terhad kepada, penularan melalui udara, penularan melalui cecair badan, penularan dari atau kemana-mana permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
   2.3 Penyakit itu, bahan atau ejen boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan pada kesihatan manusia atau kesejahteraan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta benda.

(**LMA 5394) (diubahsuai untuk polisi insurans)**

Keseluruhan Polisi ini (dengan dokumen dalam takrif Polisi) hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak.

NOTIS PENTING

Sila baca polisi ini dan sayart-syaratnya. Jika terdapat sebarang kesilapan,sila kembalikannya kepada kami dengan segera untuk dipinda.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.